



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)**

DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA (SEBUT HARGA 'A')

TAJUK : SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA
PENYELENGGARAAN *MAIN SWITCH
BOARD* (MSB) DAN PEMBAIKAN SISTEM
PENDAWAIAN ELEKTRIK DI BANGUNAN
PEJABAT PENTADBIRAN & BENGKEL
KERJA KAYU WISDEC/ MTIB SABAH
UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU
MALAYSIA (MTIB)

NO. SEBUT HARGA : MTIB/SH(A)/041/2022

**TARIKH/ MASA
LAWATAN TAPAK** : 26 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)
(10.00 PAGI)

TARIKH IKLAN : 20 SEPTEMBER 2022 (SELASA)

**TARIKH/
MASA DITUTUP** : 13 OKTOBER 2022 (KHAMIS)
JAM 12.00 TENGAH HARI

KATEGORI : KERJA

KELAYAKAN : KONTRAKTOR BERDAFTAR DENGAN CIDB

KONTRAKTOR : GRED G1

PENGGHUSUSAN : E04

KANDUNGAN	MUKA SURAT
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA	4 - 5
<u>SEKSYEN A – ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA</u>	
1. PERIHAL SEBUT HARGA	6
2. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA	6
3. KANDUNGAN SEBUT HARGA	6
4. PENYERAHAN SEBUT HARGA	7 – 8
5. FORMAT DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA	8 – 9
6. PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA	9
7. TEMPOH SIAP KERJA	10
8. PERBELANJAAN	10
9. HARGA TAWARAN	10
10. TEMPOH SAH SEBUT HARGA	10
<u>SEKSYEN B – SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA</u>	
1. KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA	11
2. PEMERIKSAAN TAPAK BINA	11
3. INSURANS	11
4. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA	11 - 12
5. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA	12
6. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA	12
7. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA	12
8. RINGKASAN SEBUT HARGA	12 - 13
9. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI	13
10. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA	13
11. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR	13 - 14
12. DENDA LEWAT	14
13. BON PELAKSANAAN	14
14. SURAT SETUJU TERIMA (LOA)	15
15. DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN	15
16. BAYARAN KEMAJUAN	15
17. KERJA PERUBAHAN	15
18. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)	16
19. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP	16
20. PERAKUAN SIAP KERJA	16
21. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN	16

KANDUNGAN	MUKA SURAT
22. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR	16
23. PENGIKLANAN	17
24. TAFSIRAN	17
25. HAK MTIB UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA	17
26. PELAKSANAAN <i>INTEGRITY PACT</i> DALAM PEROLEHAN KERAJAAN	17
27. PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN	18
28. AKTA RAHSIA RASMI	18
29. PEMBATALAN SEBUT HARGA	18
30. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	18 -19
31. TARIKH TUTUP	19
 <u>LAMPIRAN-LAMPIRAN</u>	
LAMPIRAN A : SKOP KERJA PENYEBUT HARGA	21 - 23
LAMPIRAN 1 : SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN	24 - 26
LAMPIRAN 2 : SALINAN SIJIL-SIJILPENDAFTARAN BERKAITAN	27
LAMPIRAN 3 : JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI	28 – 43
LAMPIRAN 4 : SIJIL PERAKUAN KOMPETEN SEBAGAI PENJAGA JENTERA (MINIMUM KATEGORI A4) DAN SIJIL PERAKUAN KOMPETEN SEBAGAI PENDAWAI (MINIMUM KATEGORI PW4) DARI SURUHANJAYA TENAGA MALAYSIA (STM).	44
LAMPIRAN 5 : JADUAL PELAKSANAAN KERJA (<i>GANTT-CHART</i>)	45
LAMPIRAN 6 : RINGKASAN SEBUT HARGA	46 – 58
LAMPIRAN 7 : SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	59
LAMPIRAN 8 : KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA	60 – 66
LAMPIRAN 9 : SURAT AKUAN SEBUT HARGA	67
LAMPIRAN 10 : RINGKASAN EKSEKUTIF DAN PROFIL SYARIKAT	68
LAMPIRAN 11 : SURAT PENGESAHAN BANK/ INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT DARIPADA BANK/ INSTITUSI KEWANGAN YANG DIBERI	69
LAMPIRAN 12 : SURAT AKUAN PEMBIDA	70
LAMPIRAN 13 : SURAT PERWAKILAN KUASA	71



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN *MAIN SWITCH BOARD (MSB)* DAN PEMBAIKAN SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DI BANGUNAN PEJABAT PENTADBIRAN & BENGKEL KERJA KAYU WISDEC / MTIB SABAH UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/041/2022)

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada Syarikat/ Kontraktor **tempatan** yang berpengalaman dan **berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai Gred G1** yang masih sah **sekurang-kurangnya TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga dan memiliki **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA)** dalam kategori pengkhususan seperti berikut:

Bil.	Kod Bidang	Jenis Bekalan/ Perkhidmatan
1.	E04	Pemasangan Voltan Rendah.

2. **TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK**

- 2.1 Penyebut harga **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak seperti ketentuan berikut:

Tarikh	:	26 September 2022 (Isnin)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Lot 4, Fasa 1, Jalan Timur 6 Taman Perindustrian Kota Kinabalu Peti Surat 177, Pos Mini Indah Permai 88450 Kota Kinabalu, Sabah
Pegawai untuk dihubungi bagi penetapan tarikh dan masa lawatan	:	Puan Dayang Nazirah binti Awang Kati No. Tel.: 088-498822/ 013-262 2565 (sila hubungi pegawai sebelum 23 September 2022)

- 2.2 **PERINGATAN:** *Hanya Penama Di Dalam Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak seperti yang dinyatakan di atas dan penyebut harga tidak boleh mewakilkan individu selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.*

- 2.3 Hanya **dua (2) orang** wakil Syarikat/ Kontraktor sahaja dibenarkan untuk hadir lawatan tapak. Wakil Syarikat/ Kontraktor tersebut MESTILAH penama dalam Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pihak Syarikat/ Kontraktor juga **dikehendaki untuk mengemukakan sesalinan sijil pendaftaran CIDB (tidak dikembalikan)** semasa sesi pendaftaran lawatan tapak bagi tujuan pengesahan kehadiran.
3. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun bermula pada **20 September 2022 (Selasa)** hingga **13 Oktober 2022 (Khamis)** menerusi Portal Rasmi MTIB di www.mtib.gov.my. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **13 Oktober 2022 (Khamis)** .
 4. Dokumen tawaran sebut harga yang telah siap diisi **HENDAKLAH** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Pengurusan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 16, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, 56100 Cheras, Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari** pada **13 Oktober 2022 (Khamis)** . Sebut harga yang **lewat TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
 5. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, syarikat hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga **selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan MTIB tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.
 6. Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Portal Rasmi MTIB. Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh di antara **satu (1) bulan hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebut harga**. Bagi Penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Portal Rasmi MTIB adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga ini.

SEKSYEN A
ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1.0 PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut harga adalah dipelawa dari Syarikat/ Kontraktor **tempatan** bertaraf **Bumiputera** yang berkelayakan dan **berdaftar dengan CIDB sebagai Gred G1** dalam **kategori pengkhususan E04 (Pemasangan Voltan Rendah)** dan **memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) serta Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA)** bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Main Switch Board* (MSB) dan Pembaikan Sistem Pendawaian Elektrik di Bangunan Pejabat Pentadbiran & Bengkel Kerja Kayu WISDEC/ MTIB Sabah Untuk Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).
- 1.2 Penyebut harga yang dijemput adalah tertakluk kepada semua Arahan dan Syarat-Syarat Sebut Harga yang terkandung di dalam dokumen ini. Arahan dan Syarat-Syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Sebut harga yang tidak mengikut Arahan dan Syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**
- 1.3 Penyebut harga tidak boleh mencatatkan nama syarikat di mana-mana pun dalam dokumen tawaran teknikal. Kegagalan Penyebut harga mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran Penyebut harga ditolak.

2.0 CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

- 2.1 Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang dan lampiran-lampiran sebut harga.
- 2.2 Borang sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan dan lampiran-lampiran yang disediakan.
- 2.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas atau dicap dengan cap rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

3.0 KANDUNGAN SEBUT HARGA

- 3.1 Sebut harga **hendaklah** dikemukakan dengan menggunakan kesemua **lampiran atau dokumen** yang telah ditetapkan mengikut senarai semak seperti di **Lampiran 1**.
- 3.2 Sebut harga dikemukakan tidak mengikut lampiran atau dokumen yang telah ditetapkan seperti di **Perenggan 3.1 tidak akan diterima**. Walau bagaimanapun, Penyebut harga boleh mengemukakan dokumen tambahan mengikut format dinyatakan untuk memberi penerangan-penerangan.
- 3.3 Penyebut harga perlu mengepilkan dokumen-dokumen di **perenggan 3.1** berserta dengan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan di setiap **lampiran dalam sebut harga ini**.

4.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

4.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** mengemukakan dokumen tawaran sebut harga dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (*sealed*)** yang mengandungi **DUA (2) SET DOKUMEN HARDCOPY** seperti yang ditetapkan di **Senarai Semak Dokumen Tawaran (Lampiran 1)**.

4.2 **Sampul** seperti di **Para 4.1**, **HENDAKLAH** mengandungi **DUA (2) set dokumen *hardcopy*** iaitu:

4.2.1 **SATU (1) set Dokumen Asal** dan **MESTILAH** ditandakan sebagai **“ASAL”**.

4.2.2 **SATU (1) set Dokumen Salinan** dan **MESTILAH** ditandakan sebagai **“SALINAN”**. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan atau keraguan di mana-mana dokumen salinan, salinan asal yang dikemukakan akan diguna pakai sebagai dokumen yang sah.

PERINGATAN: DOKUMEN SALINAN PERLU MEMPUNYAI KESEMUA DOKUMEN YANG SAMA DENGAN DOKUMEN ASAL.

4.3 **Sampul surat** di **Para 4.1 HENDAKLAH** dilabel seperti berikut:

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN *MAIN SWITCH BOARD* (MSB) DAN PEMBAIKAN SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DI BANGUNAN PEJABAT PENTADBIRAN & BENGKEL KERJA KAYU WISDEC/ MTIB SABAH UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/041/2022)

TARIKH TUTUP:

13 OKTOBER 2022 (KHAMIS), JAM 12.00 TENGAH HARI

4.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di alamat berikut:

**Ketua Pengarah
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)
Tingkat 16, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 KUALA LUMPUR
(u.p.: Unit Pengurusan Perolehan)**

- 4.5 Dokumen sebut harga hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos ke alamat yang telah ditetapkan **pada atau sebelum tarikh dan waktu yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga**. Jika dokumen sebut harga tidak dihantar sendiri, penyebut harga hendaklah mengatur dan memastikan supaya dokumen sebut harga dan lain-lain dokumen yang berkaitan dihantar secara perkhidmatan pos berdaftar/ kurier sampai pada waktu dan tempat yang ditetapkan. Sebarang alasan berkaitan kelewatan penghantaran dokumen sebut harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 4.6 MTIB tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain sebut harga dihantar. **Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**
- 4.7 Penyebut harga adalah **dilarang** untuk **mencatat atau melabel nama syarikat** di mana-mana Jadual Spesifikasi dan Pematuhan Teknikal, Jadual Pelaksanaan, Risalah dan Katalog yang dikembarkan.

5.0 FORMAT DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA

- 5.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** mengisi dengan lengkap dan mengemukakan maklumat-maklumat seperti yang dinyatakan di bawah sebagai sebahagian tawaran sebut harga iaitu:

BIL.	RUJUKAN	DOKUMEN
1.	Lampiran 1	Senarai Semak Dokumen Tawaran.
2.	Lampiran 2	<p>Salinan Sijil-sijil dan Borang-borang Pendaftaran Yang Berkaitan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Salinan Sijil Pendaftaran dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai Kontraktor Gred G1 dalam kategori pengkhususan E04 yang masih laku sekurang-kurangnya tiga (3) bulan bermula dari tarikh tutup sebut harga; (ii) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB; (iii) Salinan Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) dari Kementerian Kewangan Sabah; (iv) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Pembangunan Usahawan (jika ada); (v) Salinan Sijil Pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM), atau Borang D atau Borang E atau Salinan Sijil Pendaftaran dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau Lesen Perniagaan yang berkaitan berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat. <p>Bagi syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, Penyebut harga dikehendaki memajukan Borang 8 (Berhad) atau Borang 9 (Sendirian Berhad), Borang 24 dan Borang 49 atau Carian SSM e-info;</p>

BIL.	RUJUKAN	DOKUMEN
		(vi) Salinan Borang 13 SSM atau Carian SSM e-info sekiranya syarikat bertukar nama; dan (vii) Salinan Sijil Pendaftaran Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP) dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jika ada.
3.	Lampiran 3	Jadual Pematuhan Spesifikasi.
4.	Lampiran 4	Sijil Perakuan Kompeten sebagai Penjaga Jentera (minimum kategori A4) dan Sijil Perakuan Kompeten Sebagai Pendawai (minimum kategori PW4) dari Suruhanjaya Tenaga Malaysia (STM).
5.	Lampiran 5	Jadual Pelaksanaan Kerja (<i>Gantt-Chart</i>).
6.	Lampiran 6	Ringkasan Sebut Harga.
7.	Lampiran 7	Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir atau <u>sekurang-kurangnya</u> bagi bulan Jun 2022, Julai 2022 dan Ogos 2022 atau TERKINI serta hendaklah <u>DIAKUI SAH OLEH PIHAK BANK</u> bagi <u>setiap bulan.</u>
8.	Lampiran 8	Keterangan Mengenai Penyebut Harga.
9.	Lampiran 9	Surat Akuan Sebut Harga.
10.	Lampiran 10	Ringkasan Eksekutif dan Profil Syarikat.
11.	Lampiran 11	Surat Pengesahan Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit daripada Bank/ Institusi Kewangan yang Diberi.
12.	Lampiran 12	Surat Akuan Pembida.
13.	Lampiran 13	Surat Perwakilan Kuasa.

6.0 PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA

6.1 Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga ini boleh dibuat secara bertulis, e-mel atau faks dan dihantar sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat berikut:

**Unit Pengurusan Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)
Tingkat 16, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 KUALA LUMPUR**

**No. Tel. : 03-9282 2235 ext. 1317
E-mel : husaini.ghani@mtib.gov.my**

6.2 Sekiranya Penyebut harga memerlukan penjelasan lanjut berkaitan **skop dan spesifikasi kerja**, Penyebut harga boleh berhubung terus dengan pegawai berkenaan melalui:

No. Tel. : 088-498822 / 013-262 2565

E-mel : nazirah@mtib.gov.my

Pegawai : Puan Dayang Nazirah binti Awang Kati

7.0 TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh **tidak melebihi 10 minggu**.

8.0 PERBELANJAAN

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung sendiri oleh penyebut harga.

9.0 HARGA TAWARAN

Harga yang ditawarkan hendaklah dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)**. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga serta merupakan harga bersih (termasuk semua diskaun dan kos tambahan) bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan.

10.0 TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini hendaklah sah **selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga**. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas penyebut harga sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

SEKSYEN B
SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah diguna pakai. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat-syarat am ini membolehkan sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.

1.0 KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada semua syarikat **tempatan** yang berdaftar dengan **CIDB** sebagai Kontraktor **Gred G1** dalam **kategori pengkhususan E04 (Pemasangan Voltan Rendah)** dan **memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) serta Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA)** serta pendaftaran tersebut sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga.

2.0 PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Penyebut harga/ kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

3.0 INSURANS

3.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan dalam Butiran-butiran Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kad Pendaftaran dengan PERKESO.

3.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa semua polisi insurans dan Nombor Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Walau bagaimanapun, untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Penguasa berhak mengambil tindakan ke atas Kontraktor mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

4.0 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

4.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

4.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 4.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga;
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan;
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik;
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat; dan
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan.

5.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang diarahkan tanpa sebab-sebab yang munasabah, tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas Kontraktor.

6.0 SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengesub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah arahan Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa.

7.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA

- 7.1 Pegawai Penguasa atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah apabila diminta oleh Pegawai Penguasa, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.
- 7.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 7.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa secara bertulis.

8.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

- 8.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 8.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 8.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

- 8.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Penguasa tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum arahan Kerja dikeluarkan.
- 8.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 8.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum arahan Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 8.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

9.0 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Kontraktor dikehendaki memperakui bahawa kerja-kerja yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan sebut harga ini.

10.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 10.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 10.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Penguasa untuk mendapatkan keputusan.

11.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Penguasa berhak menamatkan pelantikan Kontraktor sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Penguasa:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

12.0 DENDA LEWAT

- 12.1 Setelah arahan dikeluarkan oleh MTIB, Kontraktor berjaya dikehendaki melaksanakan kerja-kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti kerja-kerja tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MTIB. Sekiranya Kontraktor gagal melaksanakan kerja-kerja dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Pegawai Penguasa berhak mengenakan **denda** seperti ketetapan berikut:

[(* Prime Rate setahun /365 hari) x Nilai Kontrak] x Bilangan Hari Lewat

*Mengikut kadar yang ditetapkan oleh bank **Maybank Berhad** pada tarikh Surat Setuju Terima (LOA) dikeluarkan kepada Penyebut harga yang berjaya.

- 12.2 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan penyebut harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau seumpama, MTIB boleh membenarkan perlanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat Kontraktor perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

13.0 BON PELAKSANAAN

- 13.1 Kontraktor yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan mengikut Perjanjian Setuju Terima seperti di bawah:

Nilai lebih dari **RM200,000.00** sehingga **RM500,000.00**, kadar peratusan Bon Pelaksanaan adalah sebanyak **2.5%** ke atas jumlah harga tawaran. Manakala, bagi nilai **lebih RM500,000.00**. Bon Pelaksanaan sebanyak **5%** dikenakan ke atas jumlah harga tawaran.

- 13.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan berdasarkan contoh format akan ditetapkan oleh MTIB.

- 13.3 Bon pelaksanaan akan dipulangkan kepada Kontraktor selepas **dua belas (12) bulan** selepas tarikh tamat tempoh kontrak dengan syarat MTIB berpuas hati bahawa syarat-syarat dan obligasi kontrak telah dipenuhi sehingga kerja-kerja yang terakhir dan semua peralatan berkaitan berkeadaan baik serta memuaskan.

14.0 SURAT SETUJU TERIMA (LOA)

- 14.1 MTIB akan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga/ Kontraktor yang berjaya melalui Surat Setuju Terima (LOA).
- 14.2 Dengan perakuan ke atas Surat Setuju Terima (LOA) tersebut, satu kontrak yang mengikat terbentuk antara MTIB dan Kontraktor yang berjaya tanpa mengambil kira sama ada dokumen kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

15.0 DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN

- 15.1 Penyebut harga / Kontraktor yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani satu Dokumen Kontrak Perjanjian sekiranya diminta oleh MTIB setelah Surat Setuju Terima (LOA) ditandatangani dengan sempurnanya.
- 15.2 Dokumen Kontrak Perjanjian hendaklah disediakan dalam **tiga (3) salinan asal** dan ditandatangani di ruangan yang telah ditetapkan serta segala kos berkaitan penyediaan Dokumen Kontrak Perjanjian seperti pengeseteman dan lain-lain, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut harga/ Kontraktor yang berjaya.

16.0 BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Penguasa dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

17.0 KERJA PERUBAHAN

- 17.1 Pegawai Penguasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Penguasa boleh membatalkan sebut harga ini.
- 17.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Penguasa dan Kontraktor hendaklah digunakan.

18.0 TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 18.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu disebabkan jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 18.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Penguasa dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 18.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Penguasa berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/ Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

19.0 PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

20.0 PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

21.0 PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa juakerosakan lain.

22.0 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

23.0 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MTIB terlebih dahulu.

24.0 TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

25.0 HAK MTIB UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA

25.1 MTIB tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.

25.2 MTIB juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran sebut harga.

25.3 Keputusan MTIB adalah muktamad dan MTIB tidak akan teragak-agak untuk memberi apa-apa alasan bagi penolakan mana-mana sebut harga.

26.0 PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketulusan dalam perolehan Kerajaan, penyebut harga dikehendaki untuk menandatangani *Integrity Pact* berdasarkan Garis Panduan seperti berikut:

26.1 Semasa Penghantaran Dokumen Tawaran Oleh Penyebut Harga:

Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa penyebut harga tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

26.2 Semasa Menandatangani Surat Setuju Terima Oleh Penyebut harga Berjaya:

Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa penyebut harga yang berjaya tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

27.0 PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan kerja-kerja.

28.0 AKTA RAHSIA RASMI

Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia bagi setiap maklumat yang diperolehi dari MTIB sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa.

29.0 PEMBATALAN SEBUT HARGA

29.1 Pihak MTIB berhak membatalkan proses sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi sebarang apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak Kontraktor kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor sendiri.

29.2 Sekiranya MTIB bercadang untuk membuat pindaan ke atas dokumen tawaran sebut harga ini, maka MTIB boleh berbuat demikian dengan mengeluarkan Notis Sebut Harga kepada semua penyebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga.

30.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Penyebut harga adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah kepada Syarikat/ Kontraktor/Firma Perunding/ Penjawat Awam atau mana-mana pihak yang berkaitan seperti berikut:

30.1 Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].

30.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].

- 30.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].

- 30.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].

31.0 TARIKH TUTUP

- 31.1 Tarikh tutup sebut harga adalah pada **13 Oktober 2022 (Khamis), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. **Sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.**
- 31.2 Semua maklumat hendaklah sebaik-baiknya ditaip/ ditulis dengan jelas. **SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA BORANG SEBUT HARGA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN YANG TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, TIDAK DISERTAKAN SALINAN SIJIL/ DOKUMEN WAJIB ATAU TIDAK DITANDATANGANI AKAN DITOLAK.**

LAMPIRAN-LAMPIRAN

SKOP KERJA PENYEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN *MAIN SWITCH BOARD* (MSB) DAN PEMBAIKAN SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DI BANGUNAN PEJABAT PENTADBIRAN & BENGKEL KERJA KAYU WISDEC / MTIB SABAH UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/041/2022)

Penyebut harga dikehendaki mematuhi kesemua arahan dan skop kerja yang telah ditetapkan seperti di bawah:

1. Kontraktor bertanggungjawab melaksanakan Kerja-Kerja Penyelenggaraan *Main Switch Board* (MSB) dan Pembaikan Sistem Pendawaian Elektrik di Bangunan Pejabat Pentadbiran & Bengkel Kerja Kayu WISDEC/ MTIB Sabah Untuk Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).
2. Kerja-kerja penyelenggaraan adalah bertempat di lokasi berikut:

**Lot 4, Fasa 1, Jalan Timur 6
Taman Perindustrian Kota Kinabalu
88450 Kota Kinabalu, Sabah**
3. Kontraktor bertanggungjawab untuk memastikan segala kerja-kerja penyelenggaraan disempurnakan dalam tempoh **maksimum 10 minggu.**
4. Spesifikasi bagi sebut harga ini adalah bagi maksud penawaran sebut harga sahaja. Spesifikasi sebenar adalah tertakluk kepada arahan pegawai MTIB yang pertanggungjawabkan semasa lawatan tapak dilaksanakan.
5. Sebelum menyerahkan sebut harga, Penyebut harga atau Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti kawasan tapak projek dan sekitarnya dan telah berpuas hati mengenai tapak projek, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang diperlukan bagi menyiapkan kerja-kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke tapak projek, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya.
6. Pihak MTIB tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan atau kerugian yang dibuat oleh Penyebut harga atau Kontraktor bersangkutan dengan lawatan untuk memeriksa tapak projek atau lain-lain perbelanjaan berkaitan semasa menyediakan tawaran ini.

7. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menyediakan laporan pelaksanaan projek seperti berikut:
 - (a) Laporan Awal;
 - (b) Laporan Status Semasa Pelaksanaan (Kemajuan/ Interim); dan
 - (c) Laporan Selepas Pelaksanaan (*Final Report*).
8. Laporan berformat [mengikut standard Jabatan Kerja Raya (JKR)] hendaklah termasuk gambar (sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan projek) dan disediakan sebanyak empat (4) salinan.
9. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk memperincikan setiap butiran perihal kerja yang ditawarkan untuk kelulusan MTIB berdasarkan lawatan tapak yang diadakan. MTIB berhak untuk menolak sebarang perihal kerja yang tidak memenuhi keperluan MTIB.
10. Kontraktor mestilah memaklumkan dahulu setiap kerja yang dilakukan kepada pegawai projek MTIB sebelum memulakan kerja.
11. Kontraktor hendaklah memastikan pemasangan dibuat dengan kemas dan memastikan setiap kerja-kerja yang dilaksanakan boleh digunakan serta tidak berlaku kerosakan.
12. Kontraktor perlu memastikan barangan yang dibekalkan berkualiti. Jika menggunakan barangan yang tidak berkualiti, pihak MTIB boleh memohon supaya pihak pembekal menukar semula barangan yang dibekalkan.
13. Kontraktor perlu memastikan pemasangan dibuat mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang betul dan tidak mendatangkan bahaya kepada pihak kontraktor dan warga kerja MTIB.
14. Kontraktor mestilah memikirkan langkah awal yang perlu diambil jika sebarang masalah semasa penggantian dijalankan dan pihak pembekal adalah bertanggungjawab di atas kerosakkan barangan MTIB akibat daripada kerja-kerja pemasangan dibuat.
15. Kontraktor perlu memastikan kerja-kerja mengemas dan membersihkan tapak kerja selepas kerja di siapkan dan membuang bahan kerja ditempat yang disediakan oleh kontraktor.
16. Penggantian barang mestilah mengikut saiz asal yang ditetapkan dalam jadual spesifikasi, jika saiz asal tidak boleh digunakan, pihak MTIB boleh mempertimbangkan cadangan dari pihak kontraktor jika tiada perubahan yang ketara yang melibatkan kualiti berkurangan.
17. Tempoh jaminan perkhidmatan dan bahan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tempoh siap kerja.
18. Jika berlaku masalah/ kerosakan dalam tempoh jaminan, pihak kontraktor perlu memberi komitmen kepada masalah tersebut dari semasa ke semasa.
19. Denda akan dikenakan kepada pihak kontraktor jika gagal menyiapkan kerja-kerja dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak MTIB.
20. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menyediakan penyelia projek yang berkelayakan sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

21. Kontraktor hendaklah membeli Insurans Tanggungan Awam (*Public Insurance Liabilities*) dan pampasan pekerja (*workmanship compensation*) untuk tempoh kontrak dan kerja dilaksanakan.

SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN MAIN SWITCH BOARD (MSB) DAN PEMBAIKAN SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DI BANGUNAN PEJABAT PENTADBIRAN & BENGKEL KERJA KAYU WISDEC/ MTIB SABAH UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/041/2022)

No. Sebut Harga : MTIB/SH(A)/041/2022
Tarikh Iklan : 20 September 2022 (Selasa)
Tarikh Tutup : 13 Oktober 2022 (Khamis)

Sila Tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/ Dokumen	Pematuhan Dokumen	Lampiran	Untuk Ditanda Oleh:	
				Penyebut Harga	J/Kuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Senarai Semak Dokumen Tawaran.	Dokumen wajib disertakan	1		
2.	(i) Salinan Sijil Pendaftaran dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai Kontraktor Gred G1 dalam kategori pengkhususan E04 yang masih sah dan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga.	Dokumen wajib disertakan	2		
	(ii) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB.	Dokumen wajib disertakan			
	(iii) Salinan Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) dari Kementerian Kewangan Sabah.	Dokumen wajib disertakan			
	(iv) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Pembangunan Usahawan.	Jika ada			
	(v) Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Borang D atau Borang E atau Lesen Perniagaan Berkaitan berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat. Bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, penyebut harga dikehendaki memajukan Borang 8 (Berhad) atau Borang 9 (Sendirian Berhad) , Borang 24 dan Borang 49 SSM atau Carian SSM e-info .	Dokumen wajib disertakan			

Bil.	Perkara/ Dokumen	Pematuhan Dokumen	Lampiran	Untuk Ditanda Oleh:	
				Penyebut Harga	J/Kuasa Pembuka Sebut Harga
	(vi) Salinan Borang 13 SSM atau Carian SSM e-info sekiranya syarikat bertukar nama.	Dokumen wajib disertakan jika berkaitan	2		
	(vii) Salinan Sijil Pendaftaran Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), jika berdaftar.	Jika ada			
3.	Jadual Pematuhan Spesifikasi.	Dokumen wajib disertakan	3		
4.	Sijil Perakuan Kompeten sebagai Penjaga Jentera (minimum kategori A4) dan Sijil Perakuan Kompeten Sebagai Pendawai (minimum kategori PW4) dari Suruhanjaya Tenaga Malaysia (STM).	Dokumen wajib disertakan	4		
5.	Jadual Pelaksanaan Kerja (<i>Gantt-Chart</i>).	Dokumen wajib disertakan	5		
6.	Ringkasan Sebut Harga.	Dokumen wajib disertakan	6		
7.	Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir atau <u>sekurang-kurangnya</u> bagi bulan Jun 2022, Julai 2022 dan Ogos 2022 atau TERKINI serta hendaklah <u>DIAKUI SAH OLEH PIHAK BANK</u> bagi setiap bulan.	Dokumen wajib disertakan	7		
8.	Keterangan Mengenai Penyebut Harga.	Dokumen wajib disertakan	8		
9.	Surat Akuan Sebut Harga.	Dokumen wajib disertakan	9		
10.	Ringkasan Eksekutif dan Profil Syarikat.	Dokumen wajib disertakan	10		
11.	Surat Pengesahan Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit daripada Bank/ Institusi Kewangan yang Diberi.	Jika ada	11		
12.	Surat Akuan Pembida.	Dokumen wajib disertakan	12		
13.	Surat Perwakilan Kuasa.	Jika berkaitan	13		

Peringatan: Sampul hendaklah berlakri dan dimasukkan dalam peti sebut harga sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga.

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.
<p>..... (Tandatangan)</p>
Nama :
No. K.P:
Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN MTIB
Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)
<p>..... (Tandatangan - Pengerusi)</p>
Nama :
Jawatan:
Tarikh :
<p>..... (Tandatangan - Ahli)</p>
Nama :
Jawatan:
Tarikh :

SALINAN SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN BERKAITAN

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN MAIN SWITCH BOARD (MSB) DAN PEMBAIKAN SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DI BANGUNAN PEJABAT PENTADBIRAN & BENGKEL KERJA KAYU WISDEC/ MTIB SABAH UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/041/2022)

- (i) Salinan Sijil Pendaftaran dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** sebagai Kontraktor **Gred G1** dalam kategori pengkhususan **E04 (Pemasangan Voltan Rendah)** yang masih sah **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** dari tarikh tutup sebut harga.
- (ii) Salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dari **CIDB**.
- (iii) Salinan **Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA)** dari **Kementerian Kewangan Sabah**.
- (iv) *Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB)* dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, **Kementerian Pembangunan Usahawan** (jika ada).
- (v) Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau **Borang D** atau **Borang E** atau **Lesen Perniagaan Berkaitan** berserta **maklumat pemilikan** dan **perniagaan syarikat**.
- (vi) Bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, penyebut harga **DIKEHENDAKI** memajukan **Borang 8 (Berhad)** atau **Borang 9 (Sendirian Berhad)**; **Borang 24**; dan **Borang 49**; **SSM** atau **Carian SSM e-info**.
- (vii) Salinan **Borang 13 SSM** atau **Carian SSM e-info** sekiranya syarikat bertukar nama.
- (viii) Salinan Sijil Pendaftaran **Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP)** dengan **Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)**, jika berdaftar.

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN *MAIN SWITCH BOARD* (MSB) DAN PEMBAIKAN SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DI BANGUNAN PEJABAT PENTADBIRAN & BENGKEL KERJA KAYU WISDEC/ MTIB SABAH UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)****(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/041/2022)****ARAHAN:**

1. Penyebut harga dikehendaki **mengisi ruang kosong di bawah dengan lengkap** berserta catatan/ keterangan lain (sekiranya ada).
2. Penyebut harga dikehendaki **mengisi semua spesifikasi**.
3. Semua butiran di dalam lampiran ini hendaklah **diisi dengan betul dan lengkap**. Kemukakan lampiran tambahan jika ruang tidak mencukupi.
4. Penyebut harga dikehendaki **mengisi sama ada Ya/Tidak** di ruangan yang disediakan jika mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MTIB.
5. Penyebut harga dikehendaki **mengisi di ruangan Keterangan Terperinci** jika terdapat kelebihan dan / atau perbezaan dengan spesifikasi MTIB.

Bil.	Skop Kerja	Kuantiti	Pematuhan Penyebut harga	
			Ya/Tidak	Catatan/Keterangan /Tawaran
1.	Kontraktor bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan <i>Main Switch Board</i> (MSB) dan pendawaiian semula bangunan pejabat pentadbiran & bengkel kerja kayu WISDEC / MTIB sabah.	PUKAL		
2.	Spesifikasi bagi sebut harga ini adalah bagi maksud penawaran sebut harga sahaja. Spesifikasi sebenar adalah tertakluk kepada arahan pegawai MTIB yang bertanggungjawabkan semasa lawatan tapak dilaksanakan	PUKAL		
3.	Sebelum menyerahkan sebut harga, Penyebut harga atau Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti kawasan tapak projek dan sekitarnya dan telah berpuas hati mengenai tapak projek, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang diperlukan bagi menyiapkan kerja-kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke tapak projek, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya.	PUKAL		

Bil.	Skop Kerja	Kuantiti	Pematuhan Penyebut harga	
			Ya/Tidak	Catatan/Keterangan /Tawaran
4.	Pihak MTIB tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan atau kerugian yang dibuat oleh Penyebut harga atau Kontraktor bersangkutan dengan lawatan untuk memeriksa tapak projek atau lain-lain perbelanjaan berkaitan semasa menyediakan tawaran ini.	PUKAL		
5.	Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menyediakan laporan pelaksanaan projek seperti berikut:- a. Laporan Awal; b. Laporan Status Semasa Pelaksanaan (Kemajuan/Interim); dan c. Laporan Selepas Pelaksanaan (Final Report).	PUKAL		
6.	Laporan berformat (mengikut standard Jabatan Kerja Raya (JKR) hendaklah termasuk gambar (sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan projek) dan disediakan sebanyak empat (4) salinan.	PUKAL		
7.	Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk memperincikan setiap butiran perihal kerja yang ditawarkan untuk kelulusan MTIB berdasarkan lawatan tapak yang diadakan. MTIB berhak untuk menolak sebarang perihal kerja yang tidak memenuhi keperluan MTIB.	PUKAL		
